

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
 2. Satu kumpulan mempunyai empat orang ahli.
 3. Guru akan menyediakan beberapa dadu dan penanda untuk digunakan oleh murid dalam setiap kumpulan.
 4. Guru perlu menyediakan satu kertas sebak yang mengandungi bahan seperti permainan dadu muka surat 52 dan 53.
 5. Panduan aktiviti iaitu :
 - (a) Lontarkan dadu bagi menentukan giliran.
 - (b) Gerakkan penanda mengikut nombor pada dadu.
 - (c) Jawab soalan yang tertera pada petak jika berhenti di petak tersebut.
 - (d) Jika murid menjawab dengan betul, murid perlu maju satu langkah ke hadapan.
 - (e) Jika murid memberi jawapan yang salah, murid akan mengundur ke belakang satu langkah.
 - (f) Pemenang akan ditentukan jika ada pemain yang akan tiba dahulu di petak penamat.
 6. Gunakan soalan di bawah :

- (a) Apakah yang patut dilakukan jika kamu bertembung dengan jiran semasa berjalan ke kedai runcit?
- (b) Kamu ingin menaiki lif, tetapi ada jiran yang lebih tua ingin keluar daripada lif tersebut?
- (c) Apakah tindakan kamu jika emak menyuruh kamu mengambil bekas makanan yang dihantar semalam di rumah jiran?
- (d) Bagaimanakah cara kamu menghormati jiran jika kamu mendengar jiran kamu menceritakan hal peribadi tentang jiran yang lain kepada kamu?
- (e) Adakah kamu gembira apabila menghormati jiran-jiran kamu?
- (f) Apakah tindakan kamu jika jiran meminta tolong kamu untuk membelikannya gula semasa kamu ingin pergi ke kedai runcit?
- (g) Apakah tindakan kamu jika jiran menegur kamu supaya tidak bermain bola di kawasan rumahnya?
- (h) Apakah tindakan kamu jika jiran datang ke rumah dan mencari ibu bapa kamu sedangkan mereka tiada di rumah?
- (i) Apakah perasaan kamu jika jiran tidak menghormati antara satu sama lain?
- (j) Apakah kepentingan jika kamu menghormati jiran?

7. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan aktiviti murid.